



DR MAHATHIR meluangkan masa bersama pemuzik muda pasukan ghaзал negeri Johor ketika berlatih sebelum Konsert Simfoni Ghazal Johor Bersama Datuk Sharifah Aini di Istana Budaya, Kuala Lumpur pada 8 September lalu.



Saya amat beruntung apabila berkesempatan menemui Dr M secara peribadi di Pulau Langkawi sempena Lima 2003, baru-baru ini. Saya sempat bergurau dengan mengatakan muka Dr M nampak berseri-seri. PM balas balik, "Saya dah lewat Ella."

Penyanyi dan pelakon Ella



Orang seperti PM mungkin wujud seorang dalam 100 tahun. Kepimpinannya sukar dicari ganti. Tanpa PM, Malaysia mungkin tidak menjadi seperti hari ini.

Penerbit, pelakon dan pengacara Hani Mohsin



Saya yakin, apa saja keputusan PM adalah untuk kebaikan kita juga. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr M di atas segala jasa selama 22 tahun pemerintahannya.

Pelakon, penyanyi dan model Erra Fazira

... Benar kata Dr M, Melayu mudah lupa... Saya terlalu mengagumi kelantangan suara PM sehingga kata-katanya itu saya abadikan dalam lagu, *Hi Hi Bye Bye*. PM mengingatkan bangsa kita (Melayu) supaya jangan mudah lupa diri apabila berada di atas kerana suatu hari nanti, kita akan berada di bawah juga.

Penyanyi Ezlynn

# Prihatin seni budaya bangsa

BH 31/10/2003 - 30 PRECISE

Oleh Suraiya Mohd Nor

SEBAGAIMANA doktor bertukar penulis, Conan Doyle menyelesaikan kesnya dalam *The Adventure Of Sherlock Holmes* yang menjadi sebahagian buku bacaan awal Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir sebelum melanjutkan pelajaran di bidang perubatan di Singapura, pendekatan sama beliau gunakan dalam memacu kemajuan dan pembangunan negara ini.

Selama 22 tahun sejak mengambil alih tampuk kepimpinan negara dari Perdana Menteri Ketiga, Tun Hussein Onn, pelbagai arus perubahan dan pembangunan dilaksanakan beliau dengan penuh rasa tanggungjawab.

Wawasan 2020 yang menjadi pelan pembangunan untuk muncul sebagai salah sebuah negara maju di rantau ini, dirangka penuh teliti. Seperti mana seorang doktor yang mendapat kepuasan sebenar apabila melihat pesakitnya sembuh, begitulah juga harapan Dr Mahathir terhadap bumi tercinta, Malaysia.

seni. Menara Berkembar Petronas yang dilengkapi Dewan Filharmonik Petronas bagi pementasan seni bertaraf dunia, Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF) dan terkini Festival Filem Malaysia yang diadakan sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) yang baru saja berlalu.

Usahanya itu bukan saja bagi menyemarakkan industri hiburan tempatan malah memberi laluan kepada syarikat produksi tempatan meninjau pasaran di luar negara, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai pusat dagangan filem di rantau ini.

Selain muzik, teater, tarian, pentas dan seni budaya lain, bidang pertunjukan yang bermula semula dari bawah selepas Singapura berpisah dari Malaysia, mula berkembang.

Sekalipun era 70-an dilihat agak suram kerana adanya saingan televisyen tetapi era 80-an dilihat kebangkitan semula industri ini dengan kemunculan pelbagai syarikat produksi filem dan drama yang menerbitkan filem bermutu serta polisi kerajaan mewujudkan drama swasta untuk RTM.

Dr Mahathir memahami bahawa seni sebagai santapan jiwa dan menjadi teras dalam sosiobudaya rakyat di negara ini, seharusnya giat berkembang selaras pelbagai cita rasa, konsep dan daya kreatif yang menjadikan industri ini antara komoditi penting untuk menjana ekonomi negara.

Penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) atas inisiatif beliau pada 1 Jun 1981, menunjukkan sikap prihatin beliau bahawa perlunya industri ini mempunyai imej seni budaya bangsa Malaysia yang sekali gus menjadi pemangkin dalam pembangunan sinema nasional.

Jika di Iran ditubuhkan Farabi Cinema Foundation bagi membantu, mengeluar, membiayai dan mengedar filem bagi menyemarakkan industri berkenaan serta terbukti berkesan menerusi pencapaian mereka meraih pelbagai anugerah di peringkat antarabangsa, Finas turut boleh berbangga dengan kerancakan perkembangan industri ini yang dapat dilihat kemeriahannya menerusi penganjuran Festival Filem Malaysia.

Pada peringkat antarabangsa, beberapa karyawan dan pelakon mula mengharumkan nama negara apabila muncul sebagai pemenang di Festival Filem Asia Pasifik.

Selain itu, bagi menggerakkan industri, Finas turut terlibat menerbitkan filem bermutu dan berimej nasional seperti *Embun* dan *Paloh* serta memperuntukkan geran ataupun pinjaman bagi membantu membiayai filem karyawan tempatan.

Malah menerusi Finas juga Akademi Filem Malaysia ditubuhkan selain kursus pengajian perfileman turut ditawarkan di pelbagai universiti awam di negara ini.

Sumbangan Dr Mahathir dalam bidang seni yang antara lain menjadikan Malaysia sebagai antara lokasi pilihan penggambaran filem asing, turut mendedahkan karyawan seni pada pembikinan filem antarabangsa.

Sokongan beliau untuk melihat seni fileman semakin mekar dengan perancangan mewujudkan perkampungan seni pintar dan perkampungan hiburan E-Village di Dengkil, Selangor dengan peruntukan RM3 bilion dan dijangka siap pada 2007.

Sekalipun harapan menyaksikan kewujudan studio perfileman berteknologi multimedia dalam E-Village tidak kesampaian dan kini kawasan itu dimajukan sebagai Bio-Valley, sokongan kerajaan memajukan industri ini masih berterusan.

Dalam pembentangan Bajet 2004, kegiatan seni dan budaya turut disemarakkan dengan memupuk nasi seni tempatan agar terus berkembang bagi menarik minat pencinta seni dengan peruntukan sebanyak RM80.3 juta khusus bagi kegiatan dan latihan seni serta budaya.

Selain itu, kerajaan turut memberi insentif cukai termasuk pengecualian duti hiburan ke atas pementasan teater, cukai pendapatan ke atas penggubah muzik dan meningkatkan potongan cukai dari RM200,000 kepada RM300,000 bagi sektor swasta yang menaja persembahan seni tempatan.

Industri hiburan tempatan yang semakin lesu akibat kegiatan cetak rompak kembali bertenaga apabila beliau mengeluarkan arahan menggepung sarang cetak rompak dan membawa mereka yang terbabit ke muka pengadilan.

Sehubungan itu, Penubuhan Gerakan Memelihara Khazanah Muzik Malaysia (Gema), diterajui Tan Sri SM Salim dalam usaha memulihkan industri muzik tanah air yang suram, turut mendapat perhatian Dr Mahathir.

Minat beliau dalam bidang seni suara memang jelas dan Dr Mahathir tidak kekok memperdengarkan suaranya berduet

dengan isteri, Datin Sri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di khalayak ramai.

Menurut rakan sekolahnya, Osman Abu Bakar dalam forum mengenai Rasia Kejayaan Dr Mahathir anjuran Galeria Perdana dan Arkib Negara Malaysia, pemimpin ulung yang ketika bersekolah suka bermain ragbi dan mengayuh basikal, suka menyanyikan lagu *Rainbow On The River* dan *Midnight Serenade*.

Dr Mahathir juga dikatakan suka mendengar suara penyanyi *evergreen* Datuk Yusni Hamid yang sering diundang menghiburkan tetamu kenamaan dan majlis istimewa. Terbaru, beliau

juga meluangkan masa menyaksikan persembahan Datuk Sharifah Aini dengan menghadiri Konsert Simfoni Ghazal Bersama Datuk Sharifah Aini di Istana Budaya.

Penyanyi opera Itali yang terkenal di seluruh dunia, Luciano Pavarotti, juga pernah menghiburkan beliau sempena penutup satu persidangan, tahun lalu.

Beliau juga minat membaca dan menulis termasuk buku awal ditulisnya, *The Malay Dilemma* yang mencetus kontroversi. Tidak ramai mengetahui bahawa Dr Mahathir turut membaca novel popular antaranya hasil tulisan Sidney Sheldon, Jeffrey Archer, Dick Francis Jack Higgins dan Wilbur Smith. Beliau juga minat membaca komik dan antara lakaran komik yang menjadi kegemarannya adalah *Blondie*, *Alley Oop* dan *Gambols*.

Ketika anak-anak sedang membesar, beliau gemar menonton siri televisyen *Eight Is Enough*. Dengan tiba detik persaraan akhir bulan ini beliau mempunyai banyak masa terluang untuk bersama cucu dan anak-anaknya. Mungkinkah Dr Mahathir akan menyambung kembali hobi lamanya berkebun dan bertukang? Hanya beliau yang akan menentukan.



Sharifah Aini



Dr Mahathir juga dikatakan suka mendengar suara penyanyi *evergreen* Yusni Hamid yang sering diundang menghiburkan tetamu kenamaan dan majlis istimewa.

And now my end is near... bait awal *My Way*, lagu *evergreen* dendangan Frank Sinatra yang sering diperdengarkan dan dianggap menjadi salah sebuah lagu kegemaran Dr Mahathir, menjelaskan kedudukan beliau ketika ini.

Biarpun ramai yang berasa terharu dan ingin beliau terus menerajui kepimpinan negara, pilihan beliau untuk bersara bagi memberi peluang pemimpin berikutnya meneruskan perjuangan serta membuka lembaran baru dalam sejarah Malaysia seharusnya dihormati.

Sebagai negarawan ulung yang ingin memastikan Malaysia setanding negara maju lain di dunia, bidang kesenian yang dilihat sebagai wadah ke arah menyeimbangkan pembangunan fizikal dan material dengan tuntutan kerohanian tidak di-anaktirikan.

Hasil gagasan dan pandangan beliau lahirlah Istana Budaya sebagai lambang pengiktirafan kerajaan kepada karyawan



DR MAHATHIR disambut pelakon aksi popular dari Hong Kong Jackie Chan ketika tiba untuk pembukaan rasmi E-Village di Dengkil, Selangor.